

03 OCT 1999

Abdullah - Anwar

TIADA BUKTI ANWAR DIRACUN, KATA ABDULLAH

TAIPING, 3 Okt (Bernama) -- Semua keputusan ujian klinikal termasuk oleh makmal luar negara setakat ini membuktikan dakwaan kononnya Datuk Seri Anwar Ibrahim diracuni adalah tidak benar, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata bagaimanapun pihak polis masih meneruskan siasatan mengenai dakwaan itu.

"Setakat ini siasatan telah dibuat, guna kemudahan makmal dalam dan luar negara, dan telah membuktikan Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak diracuni," katanya semasa berucap melancarkan Konvensyen Kebangsaan Kedua Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca (K3P) di Dataran Bandaran Taiping di sini hari ini.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Abdullah berkata beliau belum menerima laporan lengkap daripada Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia yang menjalankan ujian itu manakala siasatan oleh pihak polis dijangka disiap dalam masa dua-tiga hari.

"Sudah semestinya apa juga hasil siasatan HUKM akan dibawa ke mahkamah," katanya.

Beliau berkata: "Dengan lengkapnya laporan itu, kita akan tahu...tidak boleh bohong dengan maklumat dan menganggap rakyat tak pandai dan boleh dipermainkan untuk tujuan mengundah-gulkan rakyat."

Abdullah berkata dalam suasana menjelang pilihan raya, pendekatan seumpama itu dengan mengatakakan Anwar diracuni tidak patut digunakan beserta bermacam-macam maklumat lain untuk melahirkan kebencian rakyat pada kerajaan.

"Apa guna pendekatan seumpama itu...memberi maklumat yang sengaja disensasikan untuk buat rakyat terkejut dan mengamuk. (Buat tuduhan) bekas timbalan perdana menteri diracun, tuduh (ianya) muafakat pemerintah dan pemimpin. Adakah patut buat tuduhan macam tu?" katanya.

Isu Anwar diracun ditimbulkan di Mahkamah Tinggi pada 10 Sept lepas, apabila Karpal Singh, peguam yang mewakili bekas timbalan perdana menteri itu dalam satu kes liwat, berkata ujian sampel air kencing Anwar yang dijalankan di Australia, menunjukkan Anwar mengalami keracunan arsenik yang tinggi.

Karpal juga mendakwa kononnya keracunan itu dilakukan oleh "mereka yang berada di kedudukan tinggi".

Abdullah berkata rakyat perlu menolak sebarang penyebaran maklumat, gesaan dan tindakan yang boleh menggugat keselamatan dan keamanan negara bagi memastikan Malaysia akan terus aman dan selamat.

Beliau berkata rakyat perlu menyedari dan memahami bahawa kerajaan sentiasa membina negara ini hasil daripada kehendak rakyat untuk kepentingan mereka, malah institutsi perundangan dan kehakiman dibina atas kepentingan rakyat bagi memelihara keadaan negara.

Abdullah juga berkata rakyat perlu menggelak daripada menghina pemimpin kerana "ini pantang bangsa kita".

"Bagaimanapun untuk menegur dan mengkritik tidak apa. Pemimpin boleh menerima kritikan dan teguran tetapi jangan menghina (seperti) memanggil Dr Mahathir Mohamad firaun amat tidak elok," katanya.

Beliau berkata rakyat perlu menyedari bahawa pemimpin negara sentiasa bekerja keras untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan bebas daripada sebarang pengaruh luar.

"Ini terbukti dalam menghadapi kegawatan ekonomi, kita tidak menjadi

pak turut kepada kuasa-kuasa luar, termasuk Tabung Kewangan Antarabangsa," katanya.

Beliau berkata kerajaan telah mengambil langkah untuk mengatasinya mengikut kemahuan rakyat dan keperluan negara kerana kerajaan lebih memahami masalah dalam negara, walaupun pada peringkat awal dicemuh, dikritik dan dihina oleh semua pihak.

"Tidak akan kerajaan benarkan negara hancur begitu sahaja setelah dibina sedemikian rupa. (Ia) tidak akan gopoh-gapah hinggakan rakyat menderita," katanya.

Abdullah berkata bahawa usaha kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi bagaikan doktor merawat seorang pesakit dalam unit kecemasan rapi kerana setiap hari Majlis Tindakan Ekonomi Negara bermesyuarat dan mencari jalan penyelesaian dengan penuh keyakinan dan kesungguhan.

"Bagaimanapun, kejayaan itu tidak dapat dicapai tanpa sokongan padu daripada rakyat yang tidak pernah bergaduh mengenai hal tersebut serta kesatuan sekerja yang tidak mengadakan mogok dan para peladang yang memahami," katanya.

Keadaan politik yang tenteram dan suasana memahami telah memberikan keyakinan kepada kerajaan untuk seboleh-bolehnya memulihkan semula ekonomi negara, dan sikap rakyat ini amat dihargai oleh kerajaan, katanya.

Abdullah berkata dalam usaha membangunkan negara dengan pelbagai kemudahan termasuk membina Menara Kembar Petronas yang merupakan bangunan tertinggi di dunia serta pusat pentadbiran baru di Putrajaya, kerajaan tidak pernah lupa kepada rakyat miskin dan yang menderita

Kerajaan dalam usahanya bersaing dengan negara-negara maju tidak pernah mengurangkan peruntukan pembangunan luar bandar seperti untuk memajukan sektor pertanian serta program kesihatan.

Usaha kerajaan membangunkan infrastruktur yang canggih telah membuktikan kemampuan dan kemahiran rakyat tempatan membuat sesuatu yang benar-benar dapat melebihi daripada kemampuan negara lain.

"Kita kena bina keyakinan rakyat dan ianya perlu dipupuk bagi memastikan kita mesti yakin untuk hadapi mana-mana saingan...kita nak buang fikiran kurang yakin pada diri.

"Walaupun bukan senang, sudah sampai tahapnya sebagai bangsa merdeka, kita perlu bebas daripada perasaan terbelenggu daripada 400 tahun dijajah," katanya.

-- BERNAMA

HK MAI